



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	18/1/2020	MUKA SURAT	:	30
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Pusat pemuliharaan harimau jadi tarikan baharu

TEMERLOH - Kewujudan Pusat Pemuliharaan Harimau Kebangsaan (NTCC) dijangka menjadi satu lagi destinasi dan tarikan baharu di negara ini sekali gus membantu merencanakan pelancongan dalam negara.

Pembinaan pusat yang terletak berhampiran Institut Biodiversiti dan Pusat Konservasi Gajah Kuala Gandah di Kampung Bolok Hulu, Lanchang itu dijadualkan siap pada 30 April depan membatinkan peruntukan sebanyak RM20.8 juta dengan keluasan 40 hektar.

Wakil kontraktor Acuan Unggul Sdn Bhd yang bertanggungjawab menyiapkan projek itu, Mohd Fadli Mahadi berkata, projek tersebut kini tinggal beberapa peratus sahaja dengan kerja-kerja akhir sedang giat dilakukan dan difahamkan dibuka kepada orang awam menjelang penghujung tahun ini.

"Cabaran utama dalam melaksanakan kerja ialah kami perlu memotong banyak bukit supaya lebih landai dan sesuai untuk pemuliharaan harimau liar dari seluruh negara.

"Terdapat 32 kandang kukuh setinggi 6 meter untuk pelbagai usia harimau ditempatkan di sini sama ada dipelihara dan dibiak sebelum dilepaskan ke habitat asal," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Dalam pada itu, penduduk Kampung Bolok Hulu berharap kerajaan tidak meminggirkan mereka selaku penduduk tempatan dengan memberi peluang pekerjaan di NTCC kelak.

Penduduk, Saari Abdul Manaf, 30, berkata, dia amat berbangga dengan projek besar seperti NTCC di kawasan kampung tersebut.

"Isunya sekarang apa orang kampung dapat daripada projek itu seperti dari segi peluang pekerjaan kerana sudah pasti NTCC akan menjadi tumpuan pelancong dari seluruh dunia.

"Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) perlu mengutamakan penduduk Kampung Bolok Hulu dan Lanchang sebagai tenaga kerja berkaitan prosedur pemuliharaan harimau," katanya.



NTCC di Lanchang yang dijadualkan siap pada April depan bakal menjadi tarikan terbaharu pelancongan di Pahang.